



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

MOTIF UKIRAN PERAK DI NEGERI KELANTAN

**Norsalmiah Binti Bakar
24496**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2012**

MOTIF UKIRAN PERAK DI NEGERI KELANTAN

NORSALMIAH BINTI BAKAR

24496

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keahlian
Pengurusan Seni

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2012

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: MOTIF UKIRAN PERAK DI NEGERI KELANTAN

SESI PENGAJIAN: 2009/2010

Saya NORSALMIAH BINTI BAKAR mengaku membenarkan tesis/laporan ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *Sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh:

Tandatangan Penyelia

Tarikh:

Alamat Tetap:

Lot 604 Kg Telok Kandis Salor,
15100 Kota Bharu,
Kelantan

Catatan: * Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

* Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh Tesis/Laporan ini perlu dikelaskan SULIT atau TERHAD

PENGAKUAN

Projek bertajuk **Motif Ukiran Perak di Negeri Kelantan** ini telah disediakan oleh **Norsalmiah binti Bakar** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Gunaan dengan Keahlian Pengurusan Seni.

Diterima untuk diperiksa

oleh:

(Tn. Hj. Mohd Ghazali bin Abdullah)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirahim

Syukur Alhamdulillah kehadiran Allah Subhanallah Taala kerana dengan limpah kurnia-Nya dan dengan keizinan-Nya, dapat juga saya menyiapkan Penyelidikan Tahun Akhir pada masa yang ditetapkan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Tn. Hj. Mohd. Ghazali bin Abdullah selaku penyelia saya yang mana banyak meluangkan masa dalam memberi bimbingan, tunjuk ajar dan cadangan serta nasihat yang membina sepanjang saya menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga kepada barisan pensyarah-pensyarah lain iaitu Dr. Noria Tugang, Cik Karen Audrey Samy, En. Indra Utama dan Dr. Anna Durin, terima kasih diucapkan kerana sudi memberi teguran dan nasihat yang membina. Berkat daripada nasihat dan teguran para pensyarah membuatkan saya lebih bersemangat untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Sekalung penghargaan turut diucapkan kepada informan-informan saya iaitu Puan Hasnani Ab Manan selaku pengurus KB Permai, En. Mohd Daud bin Yusoff yang merupakan Pemilik DY Silver Crafts merangkap tokoh adiguru. Tidak lupa juga kepada informan yang seterusnya iaitu En. Zakaria bin Muda dan En. Rohaimi bin Razali yang merupakan pengukir perak di DY Silver Crafts. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa selama saya menjalankan kajian ini.

Seterusnya, jutaan terima kasih diucapkan kepada kedua ibu bapa tercinta iaitu En. Bakar bin Taib dan Puan Norhayati bt Adam serta adik beradik tersayang kerana banyak memberi sokongan dari segi moral dan kewangan. Pengorbanan dan sokongan kalian telah menyuntik semangat saya dalam menyiapkan kajian ini dan terus berjuang demi mencapai kejayaan. Sesungguhnya jasa-jasa kalian tidak dapat saya lupakan sehingga akhir hayat.

Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan kerana sudi memberi nasihat dan sokongan sepanjang menjalankan kajian ini. Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam menjayakan Penyelidikan Tahun Akhir ini.

Sekian wassalam.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGESAHAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI PETA	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI GAMBAR	viii
SENARAI SINGKATAN	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan Negeri Kelantan	1
1.1 Sejarah Awal Negeri Kelantan	2
1.1.1 Peta Negeri Kelantan	3
1.1.2 Peta Kota Bharu	4
1.2 Pengenalan Ukiran Perak	5
1.2.1 Sejarah Perkembangan Seni Ukiran Perak di Kelantan	5
1.2.2 Reka Corak dan Motif dalam Seni Ukiran Perak	6
1.2.3 Proses Pembuatan dalam Seni Ukiran Perak	7
1.2.4 Penggunaan Seni Ukiran Logam Perak	9
1.3 Permasalahan Kajian	11
1.4 Objektif Kajian	12

1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Hipotesis	13
1.7 Kerangka Kajian	13
1.8 Kepentingan Kajian	15
1.9 Batasan Kajian	16
1.10 Organisasi Kajian	17

BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0 Pengenalan	19
2.1 Definisi	
2.1.1 Definisi Kraftangan	20
2.1.2 Definisi Motif	21
2.1.3 Definisi Corak dan Reka Bentuk	22
2.1.4 Definisi Ukiran	23
2.1.5 Definisi Perak	24
2.2 Motif dan Alam Semulajadi	25
2.3 Sumber Idea dan Ilham Ukiran Perak	28
2.4 Bentuk Ukiran Perak	29
2.5 Perhiasan dan Peralatan	30
2.6 Rumusan	35

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	36
3.1 Lokasi Kajian	37
3.2 Data	37

3.2.1 Data Primer	37
3.2.2 Data Sekunder	38
3.3 Populasi Kajian	39
3.4 Persampelan	39
3.5 Instrumen Kajian	40
3.6 Limitasi Kajian	41
3.7 Rumusan	41
BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	42
4.1 Biodata dan Latar Belakang Tokoh Kraf Negara KB Permai	42
4.2 Biodata Pn.Hasnani Ab Manan (Anak Pok Teh)	46
4.3 Biodata Adiguru Kraf DY Silver Crafts	47
4.3.1 Latar Belakang DY Silver Crafts	48
4.4 Biodata En. Zakaria Bin Muda (Pengukir Perak)	49
4.5 Biodata Encik Rohaimi Bin Razali (Pengukir Perak)	50
4.6 Pengertian Motif Dalam Ukiran	
4.6.1 KB Permai	51
4.6.2 DY Silver Crafts	51
4.7 Teknik dan Proses Pembuatan Ukiran Perak di KB Permai dan DY Silver Crafts.	53
4.7.1 Peralatan Yang Digunakan Untuk Membuat Barangan Perak	55
4.8 Menganalisis Motif –Motif Ukiran Perak	
4.8.1 Motif Ukiran Perak Di KB Permai	65
4.8.2 Motif Ukiran Perak Di DY Silver Crafts	68

4.9 Rumusan	82
BAB 5 CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN	
5.0 Pengenalan	83
5.1 Cadangan	83
- Cadangan Kepada Organisasi	84
5.2 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	86
5.3 Rumusan	86
RUJUKAN	88
LAMPIRAN	90
Lampiran A : Soalan kepada informan	91
Lampiran B : Sesi temubual bersama Puan Hasnani Ab Manan (Pengurus KB Permai)	92
Lampiran C : Pandangan hadapan KB Permai	93
Lampiran D: Informan menunjukkan lakaran ukiran perak	94
Lampiran E: Sesi temubual bersama Encik Daud bin Yusoff (Pemilik DY Silver Crafts)	95
Lampiran F: Temubual bersama salah seorang pekerja DY Silver Crafts	96
Lampiran G: Pandangan hadapan DY Silver Crafts	97
Lampiran H: Banner latarbelakang Tokoh Adiguru	98
Lampiran I: Poster Motif Ukiran Perak di Negeri Kelantan	99
SENARAI PETA	
Peta: 1.1.1 Peta Negeri Kelantan	3
Peta: 1.1.2 Peta Kota Bharu	4

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 : Kerangka Kajian Ukiran Perak	13
Rajah 1.2 : Penjelasan Kerangka Kajian Ukiran Perak	14

SENARAI GAMBAR

Gambar 2.1: Pending	30
Gambar 2.2: Celepa dan Cembul	31
Gambar 2.3: Puan	32
Gambar 2.4: Tikar	34
Gambar 4.1: Temuramah bersama Puan Hasnani Bt Ab Manan	46
Gambar 4.2: Encik Mohd Daud Bin Yusoff (Tokoh Adiguru)	47
Gambar 4.3: Encik Zakaria Bin Muda	49
Gambar 4.4: Encik Rohaimi Bin Razali	50
Gambar 4.5 : Beg tangan wanita yang menggunakan motif Awan Larat	51
Gambar 4.6: Motif awan larat	53
Gambar 4.7: Player - Digunakan untuk memotong dawai	55
Gambar 4.8: Pahat yang pelbagai jenis saiz dan kegunaan	56
Gambar 4.9: Die	56
Gambar 4.10 : Die – Digunakan untuk melengkungkan perak	57
Gambar 4.11: Die – Turut digunakan untuk mengetuk perak	57
Gambar 4.12 : Silver Solder – Untuk menyambung antara perak dengan perak	58
Gambar 4.13 : Draw Plate – Mempunyai pelbagai saiz	58

Gambar 4.14 : Draw Plate – Digunakan untuk menghaluskan dawai	59
Gambar 4.15: Acuan- Mould	59
Gambar 4.16: Tweezer	60
Gambar 4.17: Dawai kasar	60
Gambar 4.18: Dawai halus	61
Gambar 4.19 : Semawar	61
Gambar 4.20 : Semawar merupakan alat untuk membakar perak	62
Gambar 4.21: Salah satu acuan perak	62
Gambar 4.22: Bebola perak mentah	63
Gambar 4.23: Bekas yang digunakan untuk mencuci perak	63
Gambar 4.24: Mesin pencuci perak	64
Gambar 4.25: Salah satu mesin untuk meleburkan perak	64
Gambar 4.26: Contoh ukiran perak yang telah dilukis dan dicetak pada kertas	66
Gambar 4.27: Motif figura wayang kulit yang telah siap dibentuk	67
Gambar 4.28: Bekas Serbaguna	69
Gambar 4.29: Labu Sayong	70
Gambar 4.30: Tepak Sireh	71
Gambar 4.31: Bekas Air	72
Gambar 4.32: Bekas Serbaguna	73
Gambar 4.33: Perhiasan Ikan	74
Gambar 4.34: Bekas Air	75
Gambar 4.35: Hiasan Rebana	76
Gambar 4.36: Motif Bunga Raya	77
Gambar 4.37: Motif Wau Ikan	78

Gambar 4.38: Motif Bunga Matahari	78
Gambar 4.39: Motif Madu Rimau	79
Gambar 4.40: Motif Bunga Twis	79
Gambar 4.41: Motif Daun Sireh	80
Gambar 4.42: Motif Bunga Kaloi-Kaloi	80
Gambar 4.43: Motif Wau Bulan	81
Gambar 4.44: Alat Muzik	81
Gambar 4.45: Keris	82

SENARAI SINGKATAN

CAIS	-	<i>Centre Academic Information Student</i>
UNIMAS	-	Universiti Malaysia Sarawak
PUSTAKA	-	Pustaka Negeri Sarawak
PKKM	-	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
RTM	-	Radio Televisyen Malaysia
TV3	-	Sistem Televisyen Malaysia Berhad
UPNM	-	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
ASWARA	-	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
DBJB	-	Dewan Bandaraya Johor Bahru
DBKK	-	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
IKN	-	Institut Kraf Negara
UITM	-	Universiti Institut Teknologi Mara
IKM	-	Institut Kemahiran Mara

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji Motif Ukiran Perak di Negeri Kelantan. Kajian ini memfokuskan kepada motif-motif yang terdapat pada setiap ukiran perak. Ukiran perak merupakan salah satu kraftangan yang begitu unik dan mempunyai pelbagai jenis motif. Objektif kajian ini ialah (a) mengenalpasti pengertian motif dalam ukiran perak; (b) Mengkaji teknik-teknik dan proses pembuatan ukiran perak di KB Permai dan DY Silver Craft, dan (c) Mengkaji motif-motif ukiran perak yang dihasilkan oleh pengukir di KB Permai dan DY Silver Craft. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu melalui pemerhatian dan temuramah. Dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa keunikan dan keistimewaan seni ukiran perak di negeri Kelantan yang bermotifkan alam flora dan fauna memenuhi cita rasa dan kehendak masyarakat yang mengaplikasikan ukiran perak untuk kegunaan harian dan sebagai barangan hiasan.

ABSTRACT

This study aims to investigate the motive of silver carved in the state of Kelantan. This study focuses on the motifs found in each piece silver. Silver carved is one of the most unique crafts and a variety of motives. The objective of this study were (a) identify the meaning of the motif in silver carvings, (b) Review the techniques and manufacturing processes in KB Permai silver carving and DY Silver Craft, and (c) Review the motives carved silver produced by craftsmen in KB gorgeous and DY Silver Craft. The method used was the qualitative method is through observation and interviews. The findings can be concluded that the unique and special works of art in Kelantan silver to natural flora and fauna motifs meet the tastes and needs of the community that applies the carved silver for daily use and as decorative items.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan Negeri Kelantan

Menurut Abdul Razak Mahmud (1993) dalam buku “Tata Rakyat Negeri Kelantan” (1), menerangkan bahawa negeri Kelantan ialah salah sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia. Ianya terletak di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu dan di sebelah selatan Perak dan Selatan Thai (dahulunya negeri Patani) di sebelah barat dan Laut China Selatan di sebelah utara. Luas negeri Kelantan ialah 14,922 kilometer persegi atau 1,504,963.49 hektar. Negeri ini terbahagi kepada 10 buah jajahan dan 63 buah daerah. Setiap jajahan diketuai oleh seorang Ketua Jajahan dan setiap daerah diketuai oleh seorang pegawai. Sepuluh buah jajahan dalam negeri Kelantan ialah Kota Bharu, Pasir Puteh, Pasir Mas, Bachok, Machang, Tumpat, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang. Jajahan yang paling luas ialah Jajahan Gua Musang, iaitu seluas 8,104 kilometer persegi manakala yang paling sempit ialah Jajahan Tumpat iaitu seluas 168 kilometer persegi sahaja. Di bawah setiap jajahan, terdapat unit-unit pentadbiran yang lebih kecil yang dipanggil daerah. Kesemuanya terdapat 63 buah daerah diseluruh negeri Kelantan. Daerah-daerah ini diketuai oleh pegawai (dahulunya Tok Kweng) yang bertanggungjawab kepada Ketua

Jabatan. Gabungan antara daerah-daerah ini membentuk sebuah jajahan, manakala gabungan antara jajahan-jajahan pula membentuk sebuah negeri Kelantan.


1.1 Sejarah Awal Negeri Kelantan

Menurut Abdul Razak Mahmud, negeri yang sekarang bernama “Kelantan” dahulunya dikenali dengan berbagai-bagai nama. Negeri Kelantan lebih tua daripada negeri-negeri Melayu pantai barat seperti Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Sejak ribuan tahun yang lalu, negeri Kelantan bernama “Medang Kamulan”. Kemudian tidak lama sebelum abad yang pertama ia bernama “Medang Gana”, dan nama ini berlanjutan sehingga abad ke-5 sebelum ia berubah kepada “Kalatana” atau “Tanah Kala”. Catatan China menyebut nama ini sebagai “ Ho-lo-tan” atau “K’ou-lo-tan”. Nama ini dipakai sehingga separuh bahagian kedua abad ke-6. Pada akhir abad ke-6 Masehi, nama negeri Kelantan bertukar kepada “Raktamrittika” yang bererti “ Negeri Tanah Merah”. Nama ini diberi oleh Raja Kelantan yang bernama Gautama selepas melancarkan pemberontakan terhadap Fu-nan (Kemboja), lalu mendirikan ibu kotanya di daerah pedalaman Kelantan yang strategik dan kaya dengan emas. Ahli-ahli sejarah berpendapat Raktamrittika ini adalah sama dengan “Ch’ih-tu” yang disebut oleh Wei Cheng (581-643) dalam Shi-Shu. Dinyatakan dalam catatan China ini bahawa Ch’ih-tu terletak di selatan Langkasuka. Digambarkan bahawa pantai negeri ini menghadap ke arah utara dan jarak antaranya dengan Champa ialah sejauh sepuluh hari perjalanan. Tidak syak lagi bahawa lokasi seperti ini ialah negeri Kelantan.



Peta: 1.1.1 Peta Negeri Kelantan

Sumber: http://jadrn.co.uk/w/MapsOfKelantan_PetaKelantan.htm



Peta: 1.1.2 Peta Kota Bharu

Sumber: <http://travelmalaysiaguide.com/images/Maps/kota-bahru-big.jpg>

1.2 Pengenalan Ukiran Perak

Di Semenanjung Malaysia penggunaan bahan logam dalam keperluan hidup manusia telah bermula sejak zaman purba lagi. Kepandaian menggunakan bahan logam pada zaman purba adalah sesuatu yang sangat menarik kerana logam adalah bahan yang tidak boleh dipecah-pecahkan untuk menghasilkan sesuatu alat seperti alat-alat yang diperbuat daripada batu. Penggunaan alat-alat daripada logam yang berukir berterusan hingga kini. Orang Melayu juga banyak menghasilkan beraneka jenis alat yang diperbuat daripada logam. Seni ukiran pada alat-alat logam yang dihasilkan oleh tukang-tukang Melayu dapat dilihat pada senjata-senjata tradisional, peralatan rumah, perhiasan diri serta barangan-barangan lain.

1.2.1 Sejarah Perkembangan Seni Ukiran Perak Di Kelantan

Menurut sumber dari http://malaysiana.pnm.my/04/0413ukir_logam.htm, negeri Kelantan sangat terkenal dalam seni pertukangan perak yang juga merupakan salah satu daripada cabang kesenian orang Melayu. Namun, seni ukiran ini dikatakan masih agak baru jika hendak dibandingkan dengan seni ukiran yang lain. Kemahiran bertukang orang Melayu ini juga dikatakan telah wujud sejak zaman berzaman lagi. Tamadun Hindu yang sangat terkenal dalam seni pertukangan logam seperti tembaga dan emas pada ketika itu dipercayai banyak mempengaruhi budaya Melayu dalam seni ukiran logam. Perusahaan barangan perak mempunyai kaitan yang rapat dengan bidang perusahaan emas dan tembaga berikutan terdapat persamaan dari segi pembuatannya. Negeri Kelantan sangat terkenal dalam pembuatan perhiasan perak 925 dan perkakasan perak. Kepakaran tukang perak banyak menghasilkan pelbagai jenis alat seperti cincin, anting-anting, dulang, bekas

perhiasan dan kerongsang. Antara kampung yang masih aktif dalam pembuatan barangan perak ini termasuklah Kampung Sireh, Kampung Morak dan Kampung Badang.

Berdasarkan sejarah pada umumnya, manusia dikatakan telah menggunakan wang perak pada zaman 800 SM dan sejarah seni ukiran perak telah muncul di kepulauan Melayu sejak zaman kerajaan Srivijaya lagi seterusnya berkembang hingga ke daerah-daerah lain di Nusantara. Apabila Inggeris datang ke Tanah Melayu seni ukiran perak telah berkembang ke tahap industri kampung atau *cottage industry* pada abad ke-18 dan memajukan perusahaan ini. Kebanyakan industri kampung ini berpusat di sekitar Kota Bharu tidak lebih 10 kilometer (km) dari pusat bandar. Bagi pengunjung yang ingin membeli-belah barang-barang yang menarik, jalan ke Pantai Cahaya Bulan adalah lokasi yang paling tepat untuk dikunjungi di industri kampung. Di Kelantan, buah tangan atau cenderamata yang popular adalah produk yang berasal daripada industri kampung. Perak dari Kelantan merupakan salah satu cenderamata yang popular selepas batik, wau dan songket serta ukiran kayu.

1.2.2 Reka Corak Dan Motif dalam Seni Ukiran perak

Masyarakat yang mengenali seni pertukangan perak akan mengakui bahawa seni ukiran perak mempunyai keindahannya yang tersendiri. Keindahan yang dimaksudkan bukan pada seni rupa atau rekabentuk sesuatu ciptaan itu sahaja, malahan juga pada pengolahan satu-satu motif dalam sesuatu rekacorak. Rekacorak dalam pertukangan perak merupakan ciri terpenting yang dikira dapat membezakan di antara rekacorak Melayu tradisi dengan rekacorak masyarakat lain di samping dapat menghuraikan segala aspek yang tertentu terhadap sejarah dan perkembangannya. Motif dalam seni ukiran perak

terbahagi kepada tiga iaitu motif bunga-bunga, motif tumbuh-tumbuhan dan binatang. Motif jenis-jenis bunga yang selalu dijadikan motif dalam rekacorak pertukangan perak ialah bunga matahari, bunga kiambang, bunga padi, bunga senduduk, bunga teratai, bunga dahlia, bunga langsung, bunga mawar, bunga orkid, bunga kelambu, bunga manggis, bunga melur, bunga raya dan bunga baling.

Tukang-tukang perak Melayu menggunakan alam semula jadi yang dapat dilihat di sekelilingnya seperti tumbuh-tumbuhan sebagai asas untuk menghasilkan satu rekacorak. Tumbuhan yang biasa digunakan sebagai motif adalah dari kumpulan yang menjalar dan boleh dijadikan sebagai sayur dan ulam seperti daun sembung bidadari, pucuk kangkung, daun dalur, pucuk paku, daun sekati lima, sulur kacang botol, daun labu, sulur kacang panjang, daun kundur, buah cili dan pucuk petola. Selain itu, terdapat juga motif-motif rekacorak yang menggunakan bentuk-bentuk haiwan seperti gajah, burung, kuda, jari lipan, ikan belanak, rama-rama, pepatung, kumbang, lalat atau lebah. Motif ini tidaklah ditunjukkan dalam bentuk yang nyata. Kebanyakan bentuk motif binatang yang digunakan dalam rekacorak seni ukiran perak ialah binatang ternakan seperti ayam dan burung. Disamping itu, terdapat juga motif serangga yang digunakan dalam rekacorak seni ukiran perak ini.

1.2.3 Proses Pembuatan dalam Seni Ukiran Perak

Proses membuat barang perak berbeza-beza, bergantung sama ada barang yang hendak dihasilkan itu kasar (besar) atau perhiasan halus. Barang kasar merangkumi kendi, tepak sirih, kaki lilin dan kotak borang kemas, cucuk sanggul, kerongsang, pin baju dan sebagainya. Manakala barang perhiasan termasuk cincin, gelang, rantai dan seumpamanya.

Proses melebur adalah peringkat awal dalam kerja pertukangan perak. Perak mentah, berbentuk butir atau biji akan dipanaskan hingga cair atau di dalam acuan khas yang diperbuat besi penuang. Perak cair pada suhu 96 darjah celcius. Perak yang cair itu dituang ke dalam acuan besi menuang. Besi menuang mempunyai dua bentuk iaitu yang berbentuk leper bagaikan pinggan dan yang membentuk dawai kasar.

Proses yang paling rumit dalam pertukangan perak ialah proses pembentukan barang yang ingin dihasilkan, daripada kepingan, atau dawai atau gabungan kedua-duanya. Bentuk barang itu hendaklah seimbang dan rata atau melengkung dengan tekak. Jika barang perunggu (set) yang dihasilkan, barang-barang yang sepatutnya sama besar mestilah sama besar. Bagi barangan kasar, tukang perak perlu membuat pasolan terlebih dahulu iaitu rangka barang itu dengan ukuran seperti yang dikehendaki. Pasolan dibuat dengan zink nipis atau kertas tebal. Perak leper daripada acuan kemudiannya diketuk di atas andas kayu yang rata, berlubang atau berbonggol. Dua atau tiga kayu andas seringkali diperlukan bagi membentuk sesuatu bentuk barang yang direka. Barangan kasar jarang dapat dibentuk daripada cuma sekeping perak, biasanya beberapa bahagian diperlukan. Walau bagaimanapun bahagian itu dibentuk secara berasingan dan kemudian dicantum dengan pateri. Sebelum dipateri bahagian-bahagian itu dibersihkan daripada sebarang kotoran seperti minyak yang boleh menjejaskan cantuman. Bagi perhiasan halus, tukang perak lebih senang bekerja dengan perak dawai. Penggunaan dawai juga mengurangkan kemungkinan pembaziran kerana nilai logam perak yang mahal. Barangan kasar yang telah siap dibentuk akan dikemaskan dengan corak hiasan dengan menggunakan 'teknik pahat' dan 'teknik tebuk' (gergaji). Kemudian barang itu akan dicuci dengan besi penggosok, dikikir dengan kikir halus dan dipelas dengan kertas pasir.

Proses terakhir ialah proses menggilap. Barang-barang perak akan digilap dengan menggunakan sabun dan berus dawai tembaga halus bagi menghapuskan kotoran yang berminyak seterusnya mengembalikan keserian barangan perak itu. Barangan perak banyak dihasilkan atas tempahan khusus.

1.2.4 Penggunaan Seni Ukiran Logam Perak

Logam perak sangat bermanfaat dalam kehidupan seharian kita selain digunakan sebagai perhiasan diri. Jika dahulu hanya golongan bangsawan sahaja yang membuat tempahan, namun kini tempat itu sudah diambil alih oleh usahawan di sektor pelancongan, terutamanya pengusaha perhotelan. Hal ini kerana, perubahan gaya hidup masyarakat dan selera pengguna juga berubah. Barang kraftangan perak kini telah dipelbagaikan penggunaannya. Barangan perak banyak yang dijadikan cenderamata tetapi tidak kurang juga yang mempunyai kegunaan walaupun berbentuk perhiasan. Sebagai contoh, penyangkut kelambu, cangkir, pinggan perunggu, kaki lilin, bekas abu rokok dan perhiasan diri seperti gelang, rantai, cincin, anting-anting dan sebagainya. Menurut sumber lain, penggunaan perak sangat penting untuk mencegah jangkitan. Kenyataan ini tercatat pada saat zaman Greek dan Rom kuno. Pada era zaman pertengahan, perak digunakan untuk membasmi kuman dalam air dan makanan selama masa simpanan dan juga untuk rawatan luka bakar dan luka-luka. Pada abad ke-19 pula, para pelaut di perjalanan laut yang panjang akan menempatkan wang perak mereka ke dalam tong air dan anggur mereka untuk menjaga mutu air tersebut. Berbeza pula cara penggunaan logam di wilayah Jermanik. Tradisi memberi hadiah untuk menandakan ulang tahun perkahwinan bermula beberapa ratus tahun yang lalu di wilayah Jermanik pada abad pertengahan Eropah. Ulang